



SIARAN AKHBAR

BILIF MENGANJURKAN SYARIAH ADVISORY SERIES 2: Islamic Capital Market - Insights and New Innovations

Khamis, 28 Rabiulawal 1443H bersamaan dengan 4 November 2021M

1. Brunei Institute of Leadership and Islamic Finance (BILIF) dengan kerjasama ASAS Malaysia, telah menganjurkan Syariah Advisory Series 2 (SAS2) dengan tema *Islamic Capital Market - Insights and New Innovations* secara dalam talian pada 4 November 2021.
2. Acara tersebut telah dimulakan dengan ucapan alu-aluan yang disampaikan oleh Yang Mulia Dayang Hajah Sufinah binti Haji Sahat, Penolong Pengarah Urusan, Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) sebagai Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif, BILIF. Acara berkenaan diteruskan dengan *masterclass* dan kemudiannya perbincangan panel mengenai tema yang telah disediakan. Barisan penceramah undangan pada acara SAS2 itu adalah Associate Professor Dr. Aznan Hasan, Pengerusi Lembaga Penyeliaan Syariah Malayan Banking (Maybank) Berhad; Yang Berbahagia Professor Dato' Dr. Mohd Azmi Omar, Ahli Jawatankuasa Syariah Bank Rakyat Malaysia dan Etiqa Takaful Malaysia; Professor Dr. Mohamad Akram Laldin, Ahli Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia (BNM), dan Professor Dr. Engku Rabiah Adawiah Engku Ali, Ahli Lembaga Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti (SC) Malaysia.
3. SAS2 telah menarik hampir 50 orang peserta yang terdiri daripada penasihat-penasihat syariah dan ahli-ahli lembaga syariah yang mewakili berberapa organisasi dalam industri kewangan di Negara Brunei Darussalam. Antara topik-topik yang dibincangkan di acara ini adalah yang merangkumi keadaan semasa pasaran modal Islam seperti ekuiti, instrumen pendapatan tetap dan derivatif, inovasi yang baru dalam produk dan instrumen yang ditawarkan dalam Sukuk, *Islamic crowdfunding*, dan aset digital. Acara ini juga membincangkan kepentingan dan potensi isu patuh Syariah yang boleh berbangkit daripada inovasi dan produk baru pasaran modal Islam.
4. Brunei Institute of Leadership & Islamic Finance (BILIF), yang dulu dikenali sebagai Centre For Islamic Banking, Finance And Management (CIBFM) adalah sebuah pusat kecemerlangan bagi industri kewangan yang memberikan penyelesaian pembelajaran professional yang berkualiti tinggi dan penganjur acara perdana dan kolaboratif bagi pembangunan kapasiti manusia khususnya dalam bidang kewangan Islam dan kepimpinan. Maklumat lanjut mengenai BILIF boleh diperolehi dengan melayari laman sesawang www.bilif.com.bn dan melalui akaun Instagram @BILIF.

Date: 28 Rabiulawal 1443/ 4 November 2021